

## **Dr. Mahathir ajak rakyat hargai keamanan**

UM - 16/10/2004: 1 Perdana

JITRA 15 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengajak rakyat supaya menghargai keamanan dan kebebasan yang dinikmati sejak negara mencapai kemerdekaan.

Beliau berkata, kedua-dua perkara itu adalah nikmat paling besar kerana masih ada negara di dunia ini terutamanya negara-negara Islam yang dibelenggu dengan masalah peperangan dan kemiskinan.

Menurutnya, rakyat perlu sentiasa beringat bahawa nikmat yang mereka peroleh ketika ini boleh hilang begitu sahaja sekiranya mereka terus berbalah sesama sendiri.

"Kita patut memikirkan bahawa alangkah sedihnya sekiranya negara kita ini ditimpa dengan malapetaka," katanya ketika berucap pada majlis kesyukuran dan bacaan Yasin anjuran anaknya, Datuk Mukhriz di Masjid Al-A'la, di sini malam semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Ahli Parlimen Kubang Pasu, Datuk Mohd. Johari Baharum.

Majlis dimulakan dengan sembahyang Maghrib sebelum bacaan Yasin dan tahlil. Orang ramai yang hadir kemudian menikmati jamuan sebelum mendengar ucapan daripada Mukhriz dan Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir berkata, beliau berterima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan kepada anaknya sehingga mendapat tempat dalam bidang politik.

Jelasnya, semasa menjadi Perdana Menteri, beliau tidak membenarkan anaknya untuk bertanding dalam politik kerana berpendapat adalah tidak molekul untuk mereka berbuat demikian semasa beliau masih menjawat jawatan tersebut.

"Selepas saya letak jawatan, saya fikir saya tidak patut menghalang mereka untuk bergiat aktif dalam politik kerana selama ini mereka telah berkorban untuk saya," ujarnya.

Sementara itu, Mukhriz yang meraih undi tertinggi sebagai Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kubang Pasu pada pemilihan baru-baru ini berazam untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada bahagian berkenaan.

Katanya, sejarah telah menyaksikan Bahagian Kubang Pasu pernah melahirkan pemimpin-pemimpin yang hebat sama ada di peringkat negara mahu pun negeri.